

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
TARIKH : 25 MEI 2016
RUJUKAN : 9061

SOALAN:

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) Berapa ramaikah jumlah PATI yang menyerah diri untuk pulang ke negara masing-masing setakat ini dan berapakah jumlah PATI mengikut negara asal masing-masing; dan
- (b) Adakah benar bahawa para anggota polis kini telah diberi tugas-tugas "gabungan shift malam dan siang intensif" sehinggakan ramai di antara mereka mengalami "tekanan kerja" (stress) yang tinggi sehingga mengalami gangguan kesihatan. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula peraturan yang tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), melalui Program Serah Diri (Kompaun 3+1) yang telah dimulakan pada 22 Julai 2014 sehingga 5 Mei 2016, seramai 328,316 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah menyerah diri untuk pulang ke Negara asal. PATI yang menyerah diri melalui Program ini disenarai hitamkan sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini juga, jumlah PATI yang berada di negara ini mengikut negara asal masing-masing tidak diketahui. Jumlah PATI yang ditangkap melalui operasi penguatkuasaan kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dari 1 Januari 2016 hingga 4 Mei 2016 adalah seramai 22,321 orang.

PATI yang ditangkap akan ditahan bagi tujuan untuk dihantar pulang ke Negara asal dan kos ditanggung oleh pekerja, majikan atau Kedutaan. Kerajaan tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran pulang PATI. Seramai 25,450 orang PATI telah diusir keluar ke Negara asal mereka dan disenarai hitamkan dari 1 Januari 2016 hingga 4 Mei 2016.

Bagi menjawab soalan (b), pihak PDRM sentiasa memberikan perhatian yang khusus terhadap kebajikan anggotanya dalam semua aspek. Tidak timbul tekanan kerja (*stress*) dari segi penugasan seharian anggota kerana jadual penugasan yang diatur telah mengambil kira semua implikasi dan risiko para anggotanya termasuk masalah kesihatan. Bagi anggota yang ditugaskan melaksanakan tugas pada waktu malam, mereka akan diberikan kelepaan tugas pada keesokan harinya bagi memberikan ruang anggota tersebut mendapat rehat yang secukupnya.

Terdapat juga keadaan yang mana anggota polis terpaksa bekerja melebihi masa bagi kes di luar jangka seperti pada waktu banjir, tanah runtuh atau bencana yang lain, anggota terpaksa mengorbankan masa rehat mereka melaksanakan tugas berkenan.